

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]**

SOALAN

TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO [KLANG] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan pendirian Kementerian dalam menubuhkan National River Protection Authority bagi menjamin keselamatan sungai dan mengelak pencemaran sungai. Adakah Kementerian bersediaewartakan 50-100 meter dari bahu sungai sebagai kawasan keselamatan tanpa sebarang aktiviti ekonomi.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kementerian meraikan cadangan YB Klang untuk menubuhkan *National River Protection Authority* bagi mewujudkan satu platform tadbir urus di peringkat Persekutuan dan Negeri untuk pengurusan sumber air yang lebih cekap. Namun demikian, seperti YB sedia maklum, setiap negeri mempunyai enakmen sumber air dan kuasa pengurusan sumber air terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri masing-masing. Begitu juga kuasa untukewartakan kawasan rizab sungai dan kelulusan pembangunan tanah di sekitar sungai.

2. Bagi isu-isu sumber air yang merentasi sempadan negeri, ianya boleh dibincangkan dalam Majlis Air Negara (MAN) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dan dianggotai oleh ahli kabinet dan barisan Ketua Menteri/ Menteri Besar.

3. Di samping itu, KASA juga telah menyediakan Pelan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (*Intergated River Basin Management-IRBM*) untuk dijadikan rujukan Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri. Pelan IRBM ini merupakan pelan perancangan menyeluruh yang akan memberi impak kepada sumber air sesuatu lembangan sungai melalui perancangan yang lestari.

4. Pembangunan kawasan rizab sungai sebagai kawasan rekreasi merupakan bidang kuasa kerajaan negeri. Bagi tujuan memelihara dan menjamin kelestarian fungsi sungai, Mesyuarat Majlis Sumber Air Negara ke-4 (MSAN 4) pada tahun 2008 telah bersetuju supaya semua kerajaan negeri dan Wilayah Persekutuan mewartakan kawasan jalur tanah hak milik kerajaan di kedua-dua belah sungai selebar di antara 5 hingga 50 meter sebagai rizab sungai bergantung kepada kelebaran sungai.

5. KASA juga melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah menyediakan Garis Panduan Pembangunan Melibatkan Sungai dan Rizab Sungai untuk rujukan Kerajaan Negeri. KASA dan JPS sentiasa bersedia untuk memberi khidmat nasihat teknikal berkaitan pewartaan rizab sungai bagi memastikan kawasan rizab sungai sentiasa terpelihara. Rizab sungai bertindak sebagai penampan di antara sungai dan tanah yang bersebelahan dengannya bagi melindungi sungai dari aktiviti yang tidak diingini yang boleh menjejaskan fungsi sungai tersebut.

Sekian, terima kasih.